

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB DATUK SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ
SYED ABDUL FASAL**
KAWASAN : BUKIT GANTANG
TARIKH : 26 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN NO. 13

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan kemajuan dan kebolehsiapkan Projek Lebuh Raya Pantai Barat (WCE) Banting, Selangor ke Changkat Jering, Taiping, Perak seperti yang dijadualkan. Adakah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac dan April 2020 memberi kesan kepada projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemajuan keseluruhan projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (Taiping-Banting) (WCE) berakhir 25 September 2020 adalah 68.51%. Kesemua pakej Lebuhraya WCE dijadualkan siap pada 2022 kecuali bagi jajaran 10 km di kawasan Tanjung Karang yang dijadualkan siap pada Jun 2024 disebabkan oleh isu penetapan jajaran. Peratusan pembinaan masih lagi dalam kategori projek ikut Jadual mengikut Petunjuk Prestasi Unit Penyelarasian Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri.

Sebagaimana projek-projek pembinaan lain, pelaksanaan projek Lebuhraya WCE turut terkesan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac dan April 2020 yang mengakibatkan kerja pembinaan yang tidak dapat dijalankan sepanjang tempoh tersebut serta penyediaan kawasan kerja terhadap pematuhan prosedur operasi standard (standard operating procedure, SOP) kawalan COVID-19. Permohonan bagi *Extension of Time* (EOT) telah pun dikemukakan oleh pihak syarikat konsesi dan permohonan tersebut sedang diproses di peringkat Kementerian.

Sekian, terima kasih.